

## Program lahirkan 'pemimpin sekitaran'

CABARAN sekitaran tidak dapat diselesaikan dalam satu generasi dan ia perlu dijalankan secara berterusan untuk dapat melahirkan "pemimpin sekitaran".

Menyedari akan keperluan tersebut, satu inisiatif pendidikan diperkenalkan semalam bagi melahirkan sekumpulan pemimpin sekitaran yang mempunyai minat mendalam sepanjang hayat di kalangan golongan muda.

Program Penjelajah Semula Jadi dijalankan dengan kerjasama Penyelidikan Biodiversiti Muzium Raffles Universiti Nasional Singapura

(NUS), ExxonMobil dan Pusat Kece-merlangan bagi Sains dan Teknologi Zon Barat (WZCOE).

Pelajar yang dipilih menjalani program tersebut diberi peluang menghadiri bengkel dan lawatan untuk memiliki kesedaran yang tinggi terhadap biodiversiti Singapura.

Program itu diperkenalkan bagi murid daripada darjah empat kepada pelajar tahun satu maktab rendah dan merancang mengambil sekitar 300 pelajar setahun.

Seramai 30 pelajar terbaik akan dipilih untuk mengikuti perkhemahan empat hari ke Pulau Tioman.

Tetamu terhormat dalam majlis yang diadakan di Fakulti Sains, NUS, semalam, Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Dr Yaacob Ibrahim, berkata program tersebut mempunyai potensi diperkembangkan.

"Dalam masa yang sama, saya juga mahu melihat para pelajar melihat program ini memberi satu nilai kepada diri mereka sendiri.

"Jadi jika kita membangunkan minat ini sebagai satu portfolio, ia boleh digunakan sebagai satu permohonan bagi memasuki universiti," ujar Dr Yaacob.